

## KAJIAN AWAL PEMBENTUKAN DOMAIN INDEKS HAK KEBEBASAN BERAGAMA DI MALAYSIA

Kamal Azmi Abd. Rahman  
Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia  
Email: [kamalazmi@usim.edu.my](mailto:kamalazmi@usim.edu.my)

Adibah Binti Sulaiman @ Mohamad  
Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia

Khadijah Muda  
Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia

Abd Hakim Mohad  
Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia

Sarjit Singh Darshan Singh  
Universiti Putra Malaysia

Ain Balkis Mohd Azam  
Universiti Sains Islam Malaysia

### ABSTRAK

Hak kebebasan beragama (HKB) hendaklah difahami secara kontekstual seusuai dengan sejarah sosio-agama dan perundangan sesebuah negara. Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat mempunyai Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai rujukan penting kepada kefahaman dan pengamalan HKB yang tersendiri. Oleh yang demikian, alat ukur seperti indeks bagi HKB dalam kehidupan masyarakat pelbagai di Malaysia hendaklah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Objektif kajian ini adalah untuk membentuk domain yang terkandung di dalam indeks HKB di Malaysia berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Kajian kualitatif ini akan mendapatkan data melalui kaedah temu bual pakar dan analisis teks terutamanya Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Analisis terhadap transkrip temu bual pakar dan Perlembagaan Persekutuan kemudian akan dilakukan secara tematik dengan menggunakan perisian Atlas.ti yang akan membentuk domain yang terkandung di dalam indeks HKB Malaysia. Analisis ini telah mendapati terdapat enam domain dalam indeks HKB Malaysia iaitu (1) hak menganut agama, (2) hak mengamalkan agama, (3) hak menyebarkan agama, (4) hak keluar masuk agama (5) hak menubuhkan institusi agama dan mengutip cukai dan (6) hak istimewa Islam, Melayu dan raja-raja. Dapatan enam domain ini boleh menjadi pertimbangan penting bagi kajian masa hadapan dalam usaha membentuk indeks watan tentang HKB di Malaysia. Selain itu, kajian akan datang juga boleh menumpukan ke arah perincian setiap domain termasuk menambah, mengurangkan atau pun menggabungkannya berdasarkan kepada pandangan pakar dan keperluan.

**Kata Kunci :** Hak kebebasan beragama, domain, indeks, Perlembagaan Persekutuan dan Islam

### 1. Pengenalan

Hak kebebasan beragama (HKB) merupakan hak asasi manusia yang memberikan individu kebebasan untuk memilih, mengamalkan, dan menyebarkan agama atau kepercayaan tanpa diskriminasi atau penindasan. Pada era globalisasi, pengukuran dan pemantauan indeks HKB menjadi semakin penting untuk memastikan perlindungan dan penjagaan hak tersebut di seluruh dunia. Oleh kerana itu, kajian pembangunan indeks HKB menjadi sangat penting dan diperlukan terutama dalam konteks kehidupan masyarakat plural di Malaysia. Apatah lagi, kajian tentang HKB juga menunjukkan tentang keperluan terhadap pendedahan HKB kepada masyarakat (Ismail et al., 2017). Dalam konteks Malaysia, Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah memberi jaminan HKB di

Malaysia (Faridah Jalil, 2014). Oleh itu, Perlembagaan Persekutuan merupakan rujukan kerangka teori dan sumber perundangan dalam memahami kebebasan beragama di negara ini (Wan Husin & Ibrahim, 2016). Namun pentafsiran HKB tersebut mempunyai perbezaan dengan HKB yang terkandung di dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat atau *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) yang bersifat kebaratan dan sekular. Oleh yang demikian, di peringkat antarabangsa, Malaysia dianggap sebagai negara yang tidak patuh kepada HKB dan mendiskriminasi hak penganut agama atau fahaman yang dianuti oleh warganya. Laporan pihak antarabangsa berkenaan HKB di Malaysia tertumpu kepada isu-isu seperti murtad, larangan penyebaran agama bukan Islam dan pengisytiharan ajaran sesat. Isu-isu ini juga seringkali menimbulkan kontroversi dan boleh mencabar keharmonian kehidupan masyarakat pelbagai agama di Malaysia. Pada masa yang sama, terdapat kumpulan seperti *Coalition of Malaysia NGOs in the UPR Process* (COMANGO) yang mendesak pentafsiran HKB lebih terbuka dan selari dengan UDHR. Oleh yang demikian, walaupun HKB diberikan jaminan oleh perlembagaan, terdapat kumpulan bukan Islam yang meragui hak mereka dipenuhi dengan wajar dan wujudnya kerisauan dalam kalangan mereka berikutan kurangnya perbincangan dan usaha untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat (Abdullah, 2003).

Rentetan daripada isu tersebut, terdapat keperluan kepada pembinaan indeks HKB di Malaysia yang sesuai dengan perlembagaan dan sejarah negara tersendiri. Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk membentuk domain yang terkandung di dalam indeks yang dapat mengukur HKB di Malaysia berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Pembentukan domain ini penting dalam pembangunan sebuah indeks yang dapat mengukur HKB di Malaysia. Indeks ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak terutama pihak kerajaan dalam merancang dan melaksanakan langkah-langkah yang efektif dalam usaha memberikan jaminan hak kebebasan beragama bagi setiap warganegara. Selain itu indeks HKB juga dapat membantu dalam mempromosikan kesadaran masyarakat tentang kepentingannya iaitu setiap individu memiliki kebebasan untuk menjalankan keyakinannya tanpa takut diskriminasi atau kekerasan.

Pendekatan ini juga selari dengan keperluan semasa, di mana pembentukan indeks HKB menjadi semakin penting bagi menilai dan membandingkan tahap HKB di sesebuah negara. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat juga mempunyai indeks HKB yang berfungsi sebagai alat untuk mengukur dan memantau pelaksanaan kebebasan beragama serta hak-hak berkaitan dalam konteks undang-undang dan hak asasi manusia (*Religious Freedom Index American Perspective on the First Amendment*, 2019). Indeks ini membantu menilai prestasi negara dalam menegakkan kebebasan beragama serta mengenal pasti cabaran atau kekangan yang mungkin dihadapi. Apatah lagi HKB di Malaysia adalah unik dan tidak sama dengan amalan negara-negara lain terutamanya di Barat (Mohd Sani & Abdul Hamed Shah, 2011). Ini kerana, HKB menurut perspektif perundangan Malaysia perlu diteliti berdasarkan kepada konteks sejarah dan tafsiran khusus menurut perlembagaan (Mohammad Zainal & Jasri, 2013). Sehubungan itu, usaha membangunkan indeks HKB di Malaysia adalah satu langkah proaktif untuk memastikan Malaysia berada pada tahap yang setanding dengan negara-negara maju, serta mempromosikan *standard* hak asasi manusia yang bersifat watan dan sesuai dengan sejarah latar belakang negara.

## 2. Metodologi kajian

Kajian kualitatif ini akan mendapatkan data melalui kaedah temu bual pakar dan analisis teks daripada Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Sepertimana yang telah dibentangkan dalam kajian lepas, pembentukan idea dan kefahaman tentang HKB di Malaysia dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti sejarah latar belakang negara, kedudukan Islam sebagai agama rasmi dan juga perkembangan sistem politik dan undang-undang. Untuk mendapatkan data yang komprehensif, kajian akan menggunakan dua kaedah yang utama. Pertama, pengkaji akan melakukan temubual mendalam

dengan pakar bidang perundangan, sosio-agama dan juga hak asasi manusia. Empat orang pakar yang akan ditemubual terdiri daripada dua orang ahli akademik iaitu pakar dalam bidang undang-undang dan dalam bidang sosio-agama. Manakala dua lagi pakar merupakan aktivis dalam HKB dan juga pengamal undang-undang. Protokol temu bual telah dibina oleh kumpulan penyelidik daripada persoalan kajian dan juga penyelidikan tentang isu-isu HKB. Temubual bersama pakar ini telah dilaksanakan secara bersemuka dan juga secara dalam talian. Temubual ini akan memberikan maklumat penting dalam memahami aspek praktikal, cabaran dan juga isu berkaitan dengan indeks HKB. Dapatan ini membantu pengkaji dalam menenalpasti domain penting dalam pembangunan indeks HKB. Kedua, pengkaji akan melakukan analisis kandungan terhadap Perlembagaan Persekutuan dengan memberikan fokus kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan HKB. Analisis ini akan menjelaskan sumber perundangan tertinggi yang mengawal HKB di negara ini dan mengenal pasti tema-tema sesuai yang boleh dijadikan domain dalam pembangunan indeks. Selain itu, kajian juga merujuk kepada penyelidikan dan artikel yang pernah diterbitkan mengenai Perlembagaan Persekutuan dan HKB.

Analisis terhadap transkrip temu bual pakar dan kandungan Perlembagaan Persekutuan akan dijalankan secara tematik dengan menggunakan perisian Atlas.ti. Perisian ini merupakan alat analisis data kualitatif yang efisien untuk mengkategorikan dan memahami data. Melalui pendekatan ini, tema-tema utama yang berkaitan dengan HKB di Malaysia akan dikenalpasti, dikodkan, dan dianalisis secara mendalam. Penggunaan Atlas.ti membolehkan pengkaji untuk mengenal pasti corak, tema, dan hubungan di antara pelbagai data yang dikumpulkan, sama ada dari pandangan pakar melalui temu bual ataupun dari teks Perlembagaan Persekutuan itu sendiri. Hasil analisis ini kemudian akan membentuk domain utama yang terkandung dalam indeks HKB Malaysia. Dengan pendekatan tematik ini, analisis akan lebih tersusun dan sistematik, sekaligus menghasilkan pemahaman yang menyeluruh tentang bagaimana HKB diterapkan dan dilindungi dalam konteks undang-undang dan kehidupan bermasyarakat Malaysia.

### **3. Perbincangan Dapatan Kajian**

#### **3.1 Profil Pakar**


Maklumat atau profil pakar adalah seperti dalam jadual 1 di bawah. Ia menjelaskan tentang bidang kepakaran masing-masing, kelayakan akademik dan pengalaman mereka. AK01 ialah seorang lelaki yang berusia antara 40-49 tahun dan mempunyai ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Undang-Undang. Beliau sedang berkhidmat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan pengalaman lebih daripada 10 tahun dalam penyelidikan berkaitan HKB. AK02 pula adalah seorang perempuan berusia lebih daripada 50 tahun dan mempunyai kelulusan Doktor Falsafah dalam bidang pemikiran Islam dan sosio-agama. Sekarang beliau sedang berkhidmat di Universiti Islam Selangor (UIS) dan mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun penyelidikan dalam bidang HKB. NGO01 merupakan seorang lelaki yang berumur dalam lingkungan 40-an dan memegang jawatan sebagai Pengerusi di CENHRA. Beliau mempunyai kelulusan Sarjana dalam bidang Undang-Undang dan lebih 10 tahun penglibatan dalam NGO berkaitan Hak Asasi Manusia (HAM), termasuk HKB. Akhir sekali, PUU01 merupakan seorang lelaki dalam lingkungan umur yang sama dan mengetuai sebuah firma guaman. Beliau mempunyai kelulusan Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang serta lebih daripada 10 tahun pengalaman dalam menguruskan kes-kes berkaitan HKB.

**Jadual 1: Profil Demografi Pakar**

Kod Pakar	Jantina	Nama IPT	Umur	Ijazah Tertinggi	Bidang	Pengalaman
AK01	Lelaki	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	40-49 tahun	Doktor Falsafah	Undang-Undang	>10 tahun dalam bidang penyelidikan (Hak Asasi Manusia – HKB)
AK02	Perempuan	Universiti Islam Selangor (UIS)	>50 tahun	Doktor Falsafah	Pemikiran Islam dan sosio-agama	>10 tahun dalam bidang penyelidikan HKB.
NGO01	Lelaki	Pengerusi, CENTHRA	40-49 tahun	Sarjana	Undang-Undang	>10 tahun terlibat dalam NGO yang berkaitan dengan HAM - HKB
PUU 01	Lelaki	Ketua firma guaman	40-49 tahun	Sarjana Muda	Undang-Undang	>10 tahun urusan guaman termasuk kes HKB

### 3.2 Enam Domain Indeks Hak Kebebasan Beragama

Data yang telah dianalisis secara tematik dengan menggunakan Atlas.ti telah membentuk enam domain utama dalam indeks HKB Malaysia iaitu (1) hak menganut agama, (2) hak mengamalkan agama, (3) hak menyebarkan agama, (4) hak keluar masuk agama (5) hak menubuhkan institusi agama dan mengutip cukai dan (6) hak istimewa Islam, Melayu dan raja-raja. Rajah enam domain ini diilustrasikan dengan menggunakan Atlas.ti seperti di bawah:



Rajah 1: Domain Indeks HKB

## I. Hak Menganut Agama

Hak menganut agama di Malaysia dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan melalui beberapa peruntukan utama yang menetapkan kebebasan beragama bagi setiap individu. Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa setiap orang berhak menganut, mengamalkan, dan menyebarkan agamanya, tertakluk kepada undang-undang yang berkaitan dengan ketenteraman awam, kesihatan, dan moral. Ini bermaksud bahawa rakyat Malaysia mempunyai hak kebebasan untuk memilih dan mengamalkan agama masing-masing tanpa paksaan (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Perkara 12 (3) pula memperluaskan hak kebebasan beragama dengan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dipaksa menerima atau mengikuti ajaran agama lain. Ini bermaksud bahawa seseorang individu, tidak boleh dipaksa untuk terlibat dalam mana-mana aktiviti keagamaan atau pengajaran yang bertentangan dengan kepercayaan agamanya (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010).

Bagi HKB untuk warga yang berumur di bawah 18 tahun, Perkara 12 (4) menyatakan bahawa agama seseorang di bawah umur tersebut akan ditentukan oleh ibu bapa atau penjaga yang sah (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Ini memberikan hak kepada ibu bapa untuk menentukan agama anak mereka, namun dalam konteks yang lebih luas, perkara ini sering menjadi perdebatan terutama dalam kes melibatkan pertukaran agama. Secara keseluruhan, Perlembagaan Persekutuan Malaysia menetapkan hak-hak asas untuk kebebasan beragama, memastikan hak setiap individu untuk menganut atau tidak menganut agama tertentu terjamin dalam kerangka undang-undang negara.

Selain itu menurut PUU01 berkenaan dengan hak menganut agama:

*“no person should be compelled to pay any tax the proceed of which are specifically allocated in call or in part of any purposes of any religion other than its own”* (PUU01, temubual, September 25, 2023)

Pernyataan ini merujuk kepada prinsip bahawa seseorang individu tidak seharusnya dipaksa membayar sebarang cukai yang hasilnya secara khusus diperuntukkan, sepenuhnya atau sebahagiannya, untuk tujuan mana-mana agama yang bukan agamanya sendiri. Dalam konteks yang lebih luas, prinsip ini bertujuan untuk memastikan keadilan dalam penggunaan dana awam, mengelakkan diskriminasi atau ketidakadilan terhadap mana-mana individu atau kumpulan berdasarkan kepercayaan agama mereka. Ia juga selari dengan hak kebebasan beragama yang termaktub dalam undang-undang, di mana tiada seorang pun boleh dipaksa untuk menyokong atau membiayai agama yang mereka tidak anuti.

AK02 dengan jelas menyatakan tentang kepentingan domain ini di dalam indeks:

*“kepercayaan kepada Tuhan domain penting yang mesti ada dalam indeks.”* (AK02, temubual September 10, 2023)

Menurut beliau, kepercayaan kepada Tuhan dan menganut agama adalah domain penting yang mesti dimasukkan dalam indeks HKB. Domain ini menekankan hak asasi setiap individu untuk mempercayai kewujudan Tuhan dan untuk mengamalkan ajaran agama atau kepercayaan yang mereka yakini tanpa paksaan atau diskriminasi. Dalam konteks indeks HKB, domain ini akan mengukur sejauh mana hak individu untuk mempercayai, menganut, dan mengamalkan kepercayaan agama mereka dilindungi oleh undang-undang dan dihormati dalam masyarakat. Selain itu, domain ini juga mengukur tahap toleransi dan penghormatan terhadap pelbagai kepercayaan di negara ini, mencerminkan keterbukaan masyarakat untuk menerima dan hidup harmoni dalam kepelbagaian kepercayaan agama.

## II. Hak Mengamalkan Agama

Hak mengamalkan agama di Malaysia dilindungi oleh beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memastikan kebebasan beragama dihormati sambil mengekalkan keseimbangan dengan kepentingan awam. Perkara 11 (1) menjamin hak setiap individu untuk menganut, mengamalkan, dan menyebarkan agama mereka, membolehkan mereka melaksanakan amalan keagamaan tanpa halangan (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Walau bagaimanapun, Perkara 11 (5) menetapkan bahawa kebebasan ini boleh dihadkan jika ia bercanggah dengan ketenteraman awam, kesihatan awam, atau kemoralan, memastikan bahawa hak beragama tidak mengganggu kestabilan masyarakat atau norma sosial (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010).

Selain itu, Perkara 3 (1) memperuntukkan bahawa walaupun Islam adalah agama rasmi Malaysia, individu yang menganut agama lain berhak untuk mengamalkan agama mereka dengan aman dan damai (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Ini menunjukkan usaha untuk mengimbangi pengiktirafan agama rasmi dengan perlindungan hak agama minoriti, memastikan bahawa semua penganut agama dapat menjalankan amalan mereka tanpa gangguan. Larangan diskriminasi berdasarkan agama juga ditegaskan dalam Perkara 8 (1), Perkara 8 (2), dan Perkara 12 (1), yang melarang diskriminasi dalam hal-hal berkaitan dengan agama, seperti pekerjaan, pendidikan, dan akses kepada perkhidmatan awam (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Selain itu, Perkara 12 (2) memberikan hak kepada kanak-kanak untuk menerima pendidikan dalam agama mereka, sementara Perkara 12 (4) menggariskan bahawa hak kebebasan beragama untuk individu di bawah umur akan diputuskan oleh ibu bapa atau penjaga mereka, memberikan perlindungan dalam konteks pendidikan agama dan keputusan keagamaan keluarga (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010).

Hak menganut agama ini juga dihuraikan oleh AK01 dengan memberikan contoh:

*“Contohnya di ketua jabatan dia ada pegawai dia, staf-staf dia yang bukan Islam, adakah dia, macam mana dia treat, macam tu lah. Maknanya sejauh mana dia memberikan hak kepada pihak yang berada dibawah dia tu untuk mengamalkan agama.”* (AK01, temu bual, Oktober 26, 2023)

Petikan ini menekankan hak mengamalkan agama dalam konteks pengurusan tempat kerja, dengan memberi fokus kepada bagaimana ketua jabatan menangani keperluan keagamaan staf yang berbeza agama. Ia menunjukkan bahawa ketua jabatan perlu memastikan staf, termasuk yang bukan beragama Islam, diberi ruang dan hak untuk mengamalkan agama mereka dengan bebas. Ini termasuk menyediakan masa untuk ibadah, cuti keagamaan, dan penghormatan terhadap amalan agama mereka tanpa diskriminasi. Penekanan ini adalah penting untuk memastikan HKB dihormati dan diterjemahkan dalam pengurusan praktikal di tempat kerja, mencipta persekitaran yang inklusif dan menghargai kepelbagaian agama.

Hal ini juga ditekankan oleh PUU 01 dengan menyatakan:

*“kalau tadi majikan tak bagi solat kan, lepastu kita solat juga dan majikan buang kerja orang tu, so orang tu dia boleh ambil tindakan undang-undang.”* (PUU01, temu bual, September 25, 2023)

Beliau juga menghuraikan lagi hal tersebut berdasarkan kepada perlembagaan:

*“Artikel 11(1) menyatakan setiap orang ada hak untuk menganut, mengamalkan lepas tu untuk menyebarkan. Menyebarkan tu ada limitasi dia ya. Haa so, bagi saya yang right to profess, practice and propogate akan menjadi satu unsur, unsur yang penting lah.”* (PUU01, temu bual, September 25, 2023)

Perkara yang sama dinyatakan oleh NGO 01 tentang tema HKB penting berdasarkan perlembagaan:

*“Lepas tu boleh juga tengok dalam Perlembagaan. Perlembagaan adalah hak untuk mengamalkan agama dan hak mengembangkan agama. Mungkin tema-tema yang begitu lah. Pengamalan HKB terkandung di dalam Perlembagaan.”* (NGO 01 temu bual, September 25, 2023)

Petikan temubual PUU01 dan NGO01 ini menggariskan bahawa hak mengamalkan agama adalah elemen penting yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, yang turut merangkumi aspek HKB. Dalam konteks tema hak mengamalkan agama, perbincangan ini menekankan bahawa setiap individu bukan sahaja mempunyai kebebasan untuk menganut dan mengamalkan agama pilihan mereka, tetapi juga hak untuk menyebarkan agama mereka kepada orang lain, selagi mana ia mematuhi batasan undang-undang yang ditetapkan, seperti yang dinyatakan dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Petikan ini menekankan bahawa pengamalan HKB di Malaysia harus difahami berdasarkan perundangan yang memberikan perlindungan kepada kebebasan beragama, dan bagaimana ia diterapkan dalam konteks masyarakat yang pelbagai agama.

### III. Hak Menyebarkan Agama

Berdasarkan tema hak menyebarkan agama, Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyediakan peruntukan khusus yang mengakui hak ini tetapi dengan batasan tertentu. Ia sebahagian daripada hak untuk mengakui, mengamalkan dan menyebarkan agama (Wan Husin & Ibrahim, 2016). Perlembagaan menyatakan hak ini termasuk kebebasan untuk membina rumah ibadat bagi menjalankan upacara keagamaan, menerbitkan risalah atau bahan penerbitan agama, mengumpul dana untuk keperluan agama, memilih pemimpin agama yang mewakili komuniti mereka, dan meraikan perayaan agama serta mendapatkan cuti keagamaan. Kebebasan ini memastikan bahawa penganut agama boleh mengamalkan agama mereka secara terbuka dan kolektif, dan memelihara hak untuk menyebarkan dan mengembangkan agama mereka dalam kalangan penganut dan komuniti masing-masing. Namun, kebebasan ini tertakluk kepada Perkara 11 (4), yang melarang penyebaran ajaran agama bukan Islam kepada penganut Islam di Malaysia (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Ini bermakna walaupun agama lain bebas untuk menyebarkan dan mengembangkan ajaran mereka di kalangan penganut mereka sendiri atau kepada umum, batasan dikenakan apabila melibatkan penyebaran kepada umat Islam, selaras dengan undang-undang negeri atau persekutuan. Oleh itu, hak kebebasan mengembangkan agama dijamin, tetapi harus dihormati dengan memahami batasan perundangan yang bertujuan melindungi sensitiviti agama dan keharmonian antara masyarakat pelbagai agama di Malaysia.

Selain daripada itu Perkara 11 (5) menetapkan bahawa kebebasan menyebarkan agama, walaupun dibenarkan, tidak boleh bercanggah dengan ketenteraman awam, kesihatan awam, atau kemoralan (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Ini bermakna, hak untuk menyebarkan agama perlu dijalankan secara bertanggungjawab, tanpa menjejaskan keamanan dan kestabilan masyarakat. Secara keseluruhan, Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf hak menyebarkan agama, namun ia meletakkan had tertentu untuk memastikan keharmonian antara agama serta menjaga ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat pelbagai agama di Malaysia. Hal ini juga yang dinyatakan oleh AK01:

*apa-apa lah yang berbentuk keagamaan boleh dibenarkan oleh undang-undang selagi mana tidak melanggar 3 benda iaitu pertama selagi mana amalan atau enjoyment of freedom of religion tadi tu tidak melanggar ketenteraman awam, tidak memberikan kesan kepada ketenteraman awam.* (AK01, temu bual, Oktober 26, 2023)

Begitu juga dinyatakan oleh PUU01:

*Artikel 11(1) menyatakan setiap orang ada hak untuk menganut, mengamalkan, mengamal lepastu untuk menyebarkan.* (PUU01, temu bual, September 25, 2023)

Pada masa yang sama beliau turut menjelaskan batasan bagi hak menyebarkan agama:

*description on propagation in relation to other religion to Muslim kat sini. So indeks tu kena ambil kira limitation yang ini la.* (PUU01, temu bual, September 25, 2023)

Petikan-petikan ini menekankan hak kebebasan beragama di Malaysia, seperti mana yang termaktub dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan yang memberikan hak kepada setiap individu untuk menganut, mengamalkan, dan menyebarkan agama mereka. Walau bagaimanapun, AK01 menekankan bahawa sebarang amalan keagamaan mesti mematuhi tiga batasan utama: tidak melanggar ketenteraman awam, tidak menjejaskan kesihatan awam, dan tidak melanggar kemoralan. Dalam konteks menyebarkan agama kepada umat Islam, PUU01 menjelaskan bahawa terdapat batasan khusus yang dikenakan oleh undang-undang di Malaysia, seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 11(4), yang melarang penyebaran agama bukan Islam kepada orang Islam. Oleh itu, manamana indeks yang mengukur kebebasan beragama di Malaysia perlu mengambil kira batasan-batasan perundangan ini bagi memastikan ia mencerminkan realiti undang-undang dan sosial negara.

#### IV. Hak Keluar Masuk Islam

Hak keluar masuk Islam merupakan domain penting dalam indeks HKB kerana ia mencerminkan sejauh mana hak individu untuk memilih atau menukar agama itu dihormati dan dilindungi dalam sesebuah negara. Hak untuk keluar masuk Islam di Malaysia adalah isu yang kompleks dan dikawal oleh peruntukan undang-undang yang berbeza-beza, termasuk Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negeri (Nasri & Shiddeq, 2016). Perlembagaan Persekutuan, dalam Perkara 11(1), menjamin hak setiap individu untuk menganut, mengamalkan, dan menyebarkan agama mereka. Namun, kebebasan ini tertakluk kepada undang-undang negeri bagi orang Islam. Undang-undang syariah di setiap negeri di Malaysia mengawal isu-isu berkaitan murtad (keluar dari agama Islam), dan biasanya memerlukan prosedur rasmi melalui Mahkamah Syariah untuk mengesahkan dan membenarkan permohonan keluar dari Islam.

Selain daripada itu, di bawah Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, Islam adalah agama Persekutuan, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Namun, status Islam sebagai agama rasmi membawa kepada penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat untuk orang Islam berbanding agama lain. Beberapa negeri di Malaysia mempunyai undang-undang yang menjadikan murtad sebagai kesalahan, dan individu yang ingin keluar dari Islam mungkin diarah menjalani sesi kaunseling atau program pemulihan. Kes-kes mahkamah seperti *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* telah menunjukkan bahawa walaupun hak kebebasan beragama diiktiraf, isu keluar masuk Islam memerlukan kelulusan mahkamah syariah, dan perkara ini mencerminkan keseimbangan yang kompleks antara kebebasan beragama dan penguatkuasaan undang-undang syariah di Malaysia. Oleh itu, hak keluar masuk Islam dikawal ketat di bawah kerangka undang-undang persekutuan dan negeri.

Selain daripada itu AK02 turut memberikan contoh kes lain iaitu:

*Kes Rosliza Ibrahim, ... isunya adalah mak ayah dia tak berkahwin, maknanya sorang Cina... Ayah dia asal Melayu, ... maknanya apa ni lah bersekedudukan, tak berkahwin. Jadi dapat anak, anak tu dikira anak tak sah taraf, which is Rosliza tu. Anak tak sah taraf dan mak ayah dia bercerai lepas tu. Jadi dia ada isu lain pula lah. Isu kesahtarapan anak dan sejauh mana ia memberi kesan kepada agama dia, dan selepas tu dia pula tak pernah mengamalkan Islam*



*dia duduk dengan mak dia atau pun penjaga dia yang bukan Islam. (AK02, temu bual September 10, 2023)*

Kes seperti Rosliza Ibrahim menggambarkan cabaran undang-undang dan realiti sosial yang dihadapi oleh individu yang ingin keluar dari Islam. Rosliza Ibrahim, seorang anak tidak sah taraf yang dilahirkan kepada ibu bapa berbeza agama (ayah Melayu Muslim dan ibu Cina bukan Muslim), menghadapi isu berkaitan kesahtrafan anak yang memberi kesan kepada status agamanya. Hal berkaitan dengan isu keluar masuk Islam turut dipersetujui oleh PUU01 seperti katanya:

*...undang-undang yang kata boleh tapi pelaksanaan tu yang menjadi cabaran yang hebat lah. Sebab bagi saya cabaran dia bukan isu undang-undang. (PUU01, temu bual, September 25, 2023)*

Pandangan ini menyatakan bahawa walaupun undang-undang membenarkan kebebasan ini, pelaksanaannya dihadkan oleh cabaran yang melibatkan sensitiviti agama dan perundangan Islam. Secara keseluruhan, isu hak keluar masuk Islam di Malaysia tidak hanya melibatkan undang-undang, tetapi juga cabaran sosio-budaya dan institusi yang mencerminkan pelbagai pandangan dan pendekatan terhadap kebebasan beragama.

#### V. Hak Menubuhkan Institusi Agama dan Mengutip Cukai

Domain yang kelima iaitu hak menubuhkan institusi agama dan mengutip cukai dalam HKB di Malaysia merangkumi beberapa aspek penting yang dinyatakan dalam Perkara 11 dan Perkara 12, Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11(2) memperuntukkan kebebasan kepada individu untuk tidak membayar apa-apa cukai yang hasilnya digunakan untuk tujuan keagamaan yang bukan agamanya sendiri. Ini menunjukkan bahawa penganut agama tidak perlu dipaksa menyumbang kepada kegiatan agama lain, melindungi hak kebebasan beragama mereka dalam aspek kewangan.

Hal ini turut dinyatakan oleh PUU01:

*11(3) every religious group has the right to manage its own religious affairs, establish and maintain institution... establish and maintain institution for religious a charitable purposes (PUU01, temu bual, September 25, 2023)*

Seperti yang dinyatakan oleh PUU01, peruntukan dalam Perkara 11(3) Perlembagaan Persekutuan memberikan kebebasan penuh kepada setiap kumpulan agama untuk menguruskan urusan dalaman mereka tanpa campur tangan daripada pihak luar. Ini bermaksud mereka mempunyai autonomi dalam perkara-perkara seperti pemilihan pemimpin, pengendalian kewangan, pengajaran agama, serta penyelenggaraan rumah ibadat dan institusi pendidikan agama. Tambahan pula, hak ini juga merangkumi kebebasan untuk menubuhkan dan menyenggarakan institusi bagi tujuan keagamaan atau kebajikan, seperti pusat amal, sekolah agama, dan organisasi bukan berasaskan keuntungan yang menyokong aktiviti keagamaan. Kebebasan ini penting bagi setiap agama untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka, termasuk kerja amal dan penyelenggaraan harta keagamaan.

Manakala di bawah Perkara 11(3), terdapat jaminan kebebasan untuk menguruskan hal ehwal institusi agama dan menubuhkan serta menyenggarakan institusi bagi tujuan keagamaan. Ini membolehkan setiap agama di Malaysia untuk mempunyai kebebasan dalam menguruskan rumah ibadat, pusat pendidikan, dan organisasi keagamaan mereka sendiri. Hak ini juga termasuk kebebasan untuk memperoleh dan menguruskan harta menurut undang-undang dalam usaha untuk memastikan kelangsungan dan penyelenggaraan institusi agama. Selain itu, Perkara 12(2) memberikan hak kepada persekutuan atau negeri untuk menubuhkan, menyenggarakan, atau membantu dalam penubuhan atau penyelenggaraan institusi Islam. Walaupun ini menunjukkan tumpuan khas kepada agama Islam sebagai agama rasmi negara, ia turut menggariskan tanggungjawab kerajaan dalam menyokong pengurusan institusi keagamaan.

Secara keseluruhan, domain ini menekankan hak setiap agama untuk mendirikan dan menguruskan institusi agama mereka sendiri, kebebasan daripada cukai agama lain, dan peranan kerajaan dalam menyokong institusi Islam. Ini penting untuk menilai sejauh mana kebebasan beragama dihormati dan dilindungi, serta untuk memastikan bahawa dasar dan undang-undang di Malaysia mempromosikan kesaksamaan dan keharmonian antara komuniti agama yang berbeza. Selain itu, hak ini menunjukkan bahawa HKB yang dijamin adalah mencakupi hak perseorangan dan juga hak kumpulan serta tidak mengira agama, asal keturunan dan sebagainya (Muslim & Buang, 2012).

## VI. Hak Istimewa Islam, Melayu dan Bumiputera serta Raja-Raja

Berdasarkan tema hak istimewa Islam, Melayu, dan Raja-Raja, Perlembagaan Persekutuan Malaysia secara jelas memperuntukkan keistimewaan tertentu bagi elemen-elemen ini dalam rangka pembentukan negara. Islam diakui sebagai agama Persekutuan di bawah Perkara 3(1), tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Ini memberikan kedudukan istimewa kepada Islam dalam pelbagai aspek, termasuk pentadbiran, pendidikan, dan aktiviti keagamaan. Kerajaan Persekutuan dan negeri juga berhak menubuhkan institusi Islam bagi menyokong perkembangan Islam di Malaysia.

Melayu sebagai kumpulan etnik utama di Malaysia diberi hak-hak istimewa di bawah Perkara 153, yang menegaskan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong dalam melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Ini termasuk peruntukan-peruntukan khas dalam bidang pendidikan, perkhidmatan awam, perlesenan, dan ekonomi. Keistimewaan ini bertujuan untuk memastikan pembangunan sosio-ekonomi yang seimbang dalam kalangan masyarakat yang berbeza di Malaysia. Bagi Raja-Raja Melayu, Perlembagaan Malaysia mengiktiraf sistem raja berperlembagaan dan peranan istimewa Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing serta kuasa dalam hal-hal tertentu seperti pelantikan jawatan-jawatan tertentu, keistimewaan orang Melayu, dan kedaulatan negeri. Manakala kedaulatan Raja-Raja Melayu terjamin di bawah Artikel 181 yang memberikan mereka kuasa dalam hal agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri masing-masing. Majlis Raja-Raja, ditubuhkan di bawah Artikel 38, memainkan peranan penting dalam memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong mengenai pelbagai perkara termasuk pelantikan jawatan penting dan isu-isu berkaitan hak istimewa orang Melayu serta agama Islam. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan tentang peranan Raja / YDPA sebagai ketua agama Islam di dalam Perkara 3 (2), Perkara 3 (3), Perkara 3 (5) dan Perkara 34 (1). Keistimewaan ini mencerminkan peranan penting Raja-Raja Melayu sebagai simbol perpaduan, kestabilan, dan keseimbangan dalam pemerintahan negara yang berbilang kaum dan agama.

Begitu juga dalam hubungan antara hak kesitimewaan Melayu dan Islam yang dapat dilihat dalam huraian PUU01:

*kita lihat semua enakmen pentadbiran agama Islam ni, kalau kita tengok definisi dan kita tengok tafsiran untuk orang Islam, kita akan dapat 5, 6 definisi lah tafsiran dekat situ. Antaranya ialah, sesiapa yang lahir daripada ibu bapa yang orang Islam, so mereka akan dianggap sebagai orang Islam lah. So dari tafsiran tu mereka menjadi orang Islam secara automatik. (PUU01, temu bual, September 25, 2023)*

Selain itu, perlembagaan dengan jelas memperuntukkan hak Istimewa orang Melayu yang perlu diakui: *hak istimewa orang Melayu. Kenapa ini ini ini? Mereka dah tak nampak dah. Walaupun ada dekat Perlembagaan sebab mereka tak hidup dalam dunia tu. (AK01, temu bual, Oktober 26, 2023)*

PUU01 dan AK01 menunjukkan betapa pentingnya peranan undang-undang dan tafsiran Perlembagaan dalam mengekalkan hak-hak istimewa ini di Malaysia. Enakmen pentadbiran agama Islam di Malaysia mengandungi pelbagai tafsiran mengenai siapa yang dianggap sebagai orang Islam. Seperti yang dinyatakan oleh PUU01, salah satu tafsiran ini ialah seseorang yang lahir daripada ibu bapa beragama Islam secara automatik dianggap sebagai orang Islam. Dalam konteks ini, hak istimewa orang Islam sebagai kumpulan majoriti di Malaysia dilindungi dan diuruskan melalui enakmen-enakmen yang mengawal pentadbiran agama. Sementara itu, AK01 menekankan hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera yang diperuntukkan dalam Perlembagaan, seperti Artikel 153, yang melibatkan kuota dalam perkhidmatan awam, biasiswa, dan permit perniagaan. Namun, AK01 juga menyentuh mengenai realiti sosial di mana ada sebahagian daripada masyarakat yang mungkin tidak menyedari atau menghargai hak istimewa ini kerana tidak hidup dalam konteks tersebut. Ini menunjukkan bahawa walaupun hak-hak ini termaktub dalam Perlembagaan, kesedaran dan penerimaan terhadap hak-hak ini boleh berbeza-beza dalam kalangan masyarakat yang pelbagai.

Hak-hak istimewa ini juga berkait rapat dengan peranan Raja-Raja Melayu yang mempunyai kuasa dalam hal-ehwal agama Islam di negeri masing-masing dan memainkan peranan sebagai penjaga hak-hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera. Kepentingan raja-raja ini dapat dilihat melalui penjelasan yang dinyatakan oleh PUU01 tentang peranan sultan sebagai ketua agama Islam bagi setiap negeri:

*Tapi pemahaman tu akan berpunca dari Sultan-Sultan sebab mereka adalah head of Islam, ketua Islam di setiap negara. So mereka akan macam set the tone la, dia akan set the stone for dia punya state. (PUU01, temu bual, September 25, 2023)*

Perlindungan hak-hak ini melalui Perlembagaan dan undang-undang bertujuan untuk mengekalkan keseimbangan sosial dan memastikan kesinambungan tradisi serta identiti budaya di Malaysia. Namun, seperti yang dibincangkan oleh AK01, pemahaman dan penghargaan terhadap hak-hak ini mungkin memerlukan lebih banyak kesedaran dan pemahaman dalam kalangan masyarakat umum. Secara keseluruhannya, hak-hak istimewa yang diberikan kepada Islam, Melayu, dan Raja-Raja Melayu menunjukkan komitmen Perlembagaan Persekutuan untuk mengekalkan keseimbangan antara hak-hak asasi dan keistimewaan yang melibatkan unsur-unsur tradisi, budaya, dan agama dalam konteks negara Malaysia yang berbilang etnik dan agama.

#### 4. Kesimpulan

Secara keseluruhan, pembangunan indeks hak kebebasan beragama adalah langkah awal yang penting dalam usaha untuk memastikan perlindungan dan pemarkasaan hak asasi manusia yang berkaitan dengan HKB. Dengan memahami kepentingan dan manfaat dari pembangunan indeks ini, Malaysia dapat bergerak maju menuju masyarakat yang lebih inklusif dan menghormati kebebasan beragama untuk semua. Kajian awal ini telah mendapati terdapat enam domain dalam indeks HKB Malaysia iaitu (1) hak menganut agama, (2) hak mengamalkan agama, (3) hak menyebarkan agama, (4) hak keluar masuk agama (5) hak menubuhkan institusi agama dan mengutip cukai dan (6) hak istimewa Islam, Melayu dan raja-raja. Enam domain ini boleh menjadi pertimbangan penting bagi kajian masa hadapan dalam usaha membentuk indeks watan tentang HKB di Malaysia. Selain itu, kajian akan datang boleh menumpukan ke arah perincian setiap domain termasuk menambah, mengurangkan atau pun menggabungkannya berdasarkan kepada pandangan pakar. Kajian juga boleh mempertimbangkan pelbagai metodologi yang dapat digunakan dalam pembangunan indeks, termasuk indikator yang relevan dan kriteria penilaian yang adil dan objektif.

## 5. Penghargaan

Kajian ini dibiaya oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) dengan kod FRGS/1/2022/SS10/USIM/03/3

## 6. Rujukan

- 2019 *Religious Freedom Index American Perspective on the First Amendment* (Issue November). (2019).
- Abdullah, A. A. (2003). Islamic Revivalism, Religious Freedom and the Non-Muslims in Malaysia: A Preliminary Discussion. *PERTANIKA Journal Social Science & Humanities*, 11(2), 119–134.
- Faridah Jalil, R. Halim. (2014). Kebebasan Beragama: Gambaran Malaysia. *KANUN*, 2, 16.
- Ismail, N., Abd. Rahman, K. A., & Mohd Salleh, N. (2017). Kefahaman Belia Muslim Terhadap Konsep Kebebasan Beragama Dengan Isu Keluar Agama dalam Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 54–67.
- Mohammad Zainal, H., & Jasri, J. (2013). Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, 17(0), 13–36.
- Mohd Sani, M. A., & Abdul Hamed Shah, D. D. (2011). Freedom of Religious Expression in Malaysia. *Journal of International Studies (JIS)*, 7, 33–49. <http://jis.uum.edu.my>
- Muslim, N., & Buang, A. H. (2012). Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 20(2), 115–129.
- Nasri, M. S., & Shiddeq, M. S. (2016). Murtad: Antara Hak Kebebasan Beragama dan Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, 1, 1–17.
- Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia 491 (2010). [http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/FC/PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN ULANG CETAK 2016.pdf](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/FC/PERLEMBAGAAN%20PERSEKUTUAN%20ULANG%20CETAK%202016.pdf)
- Wan Husin, W. N., & Ibrahim, H. (2016). Religious Freedom, The Malaysian Constitution and Islam: A Critical Analysis. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 217, 1216–1224. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.02.152>